

27/06/1997

Program vendor dalam pelan induk MEC

KUANTAN, Khamis - Kerajaan negeri mahu program vendor dimasukkan dalam Pelan Induk Pembangunan Projek Raksasa Malaysia Electric Corporation (MEC) dalam usaha membantu kerajaan mengetengahkan lebih ramai usahawan Bumiputera kelas menengah.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata MEC Bhd, pemaju Bandar MEC di Gambang, dekat sini, mesti menjadikan program vendor sebagai panduan yang wajib selaras dengan dasar Kerajaan Pusat untuk memastikan usahawan tempatan tidak ketinggalan menikmati peluang sebahagian daripada kegiatannya.

"Oleh kerana tanah yang diperuntukkan untuk projek berkenaan adalah luas, adalah wajar bagi usahawan tempatan menjalankan kegiatan mereka di situ.

"Jika peruntukan tanah berkenaan sudah tidak mencukupi, usahawan tempatan boleh membeli tanah kerajaan di kawasan berhampiran supaya mereka dapat menyertai program vendor itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau kemajuan yang dicapai di Bandar MEC sejak projek itu dilancarkan Mac lalu, petang semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan Khazanah Holding Berhad, Tan Sri Sheriff Kassim dan Pengarahnya, Tan Sri Rashid Hussain dan Pengerusi Eksekutif MEC Bhd, Tan Sri Teong Teck Leng.

Dalam MEC Bhd, kerajaan negeri memiliki ekuiti 10 peratus, Khazanah Holding, 30 peratus manakala Kuala Lumpur Industries Holding (KLIH), 60 peratus.

Dalam usaha melaksanakan program vendor, kata Mohd Khalil, beliau percaya kerajaan akan mengeluarkan satu garis panduan yang tepat, selaras dasar Kerajaan Pusat serta hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu meramaikan usahawan kelas menengah Melayu.

"Pada peringkat negeri, kita ada Jawatankuasa Pembangunan Usahawan yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Antara langkah yang diambil ialah mengadakan perbincangan dengan MEC Bhd untuk mendapat peluang daripada kegiatan mereka," katanya.

Difahamkan MEC Bhd sudah mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) mengenai galakan penduduk tempatan membabitkan diri dalam program vendor dan begitu juga Khazanah Holding.

Menurut Khalil, memang sudah menjadi dasar negara untuk menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam semua jenis perniagaan dan jika mereka tidak mampu berbuat demikian, ia perlu ditawarkan kepada orang lain.

(END)